

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

SOALAN : NO. 122

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai berapakah kelulusan dan amaun peruntukan pembiayaan PTPTN kini kepada pelajar di IPT dan adakah ia benar-benar memberi manfaat kepada anak-anak kita yang melanjutkan pengajian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2018, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meluluskan pinjaman kepada seramai 2.8 juta peminjam dengan amaun peruntukan sehingga tamat pengajian berjumlah RM64.5 bilion.

Sebagai peneraju dalam pengurusan pinjaman pendidikan tinggi negara, PTPTN komited sepenuhnya untuk menyediakan pinjaman berterusan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan.

Bertepatan dengan objektif penubuhan PTPTN iaitu tiada pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan, PTPTN sentiasa memastikan pinjaman yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), demi kelangsungan pelajar di dalam mengejar cita-cita dan impian. Bagi

peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya, PTPTN akan mengecualikan bayaran balik pinjaman sebagai pengiktirafan atas kecemerlangan dan usaha yang dicurahkan.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH - BN]**

SOALAN NO.123

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dalam menjadikan TN50 benar-benar sebagai agenda nasional, apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan agenda pembangunan belia negara selari dengan agenda pembangunan TN50 dalam memastikan belia-belia di negara kita mampu bersaing di pentas dunia. Apakah juga perancangan Kerajaan untuk tempoh 5 ke 10 tahun akan datang.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan inisiatif TN50 sebagai agenda nasional oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memberi fokus kepada pengumpulan aspirasi masa hadapan golongan belia. Pelbagai program telah dilaksanakan di mana para peserta berpeluang menyuarakan aspirasi dan pendapat mereka. Keterlibatan belia dan kaedah pendapat awam telah diperoleh melalui pelbagai cara antaranya termasuk sesi *town hall*, dialog, bengkel percambahan minda di peringkat negeri dan daerah, pengundian aspirasi (vote-it) dan penulisan aspirasi melalui *post-it*.
2. Sehubungan itu, bagi mendepani cabaran masa hadapan, KBS telah menyediakan satu panduan khusus dalam memperkasakan agenda belia negara iaitu melalui pelaksanaan Dasar Belia Malaysia (DBM). DBM adalah satu perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia bagi tempoh 20 tahun mendatang sehingga ke tahun 2035. Strategi Pelaksanaan DBM bagi setiap 5 tahun adalah selari dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-11 hingga 14 (RMK11 – RMK 14).
3. Ini diikuti penzahiran dalam perancangan secara lebih spesifik di peringkat Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri menerusi Pelan Strategik masing-masing yang berkaitan dengan pembangunan belia. Ini bagi memastikan rangka pembangunan belia jangka pendek yang dibangunkan sentiasa relevan dan terkini dengan keperluan belia semasa. Perancangan jangka pendek ini

SULIT

juga akan memberikan refleksi ke atas pembangunan belia masa hadapan.

4. Dalam pada itu, DBM juga telah menetapkan 9 Bidang Keutamaan Belia yang menjadi fokus utama KBS dalam pembangunan belia pada masa kini dan hadapan. 9 bidang tersebut ialah Pendidikan dan Latihan kemahiran; Kenegaraan dan Jati Diri; Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera; Kepemimpinan; Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil; Keusahawanan; Penyelidikan dan Inovasi; Profesionalisme Kerja Belia; dan Pengiktirafan. Bidang Keutamaan Belia ini digariskan bagi menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa di samping menyokong agenda pembangunan TN50.
5. Bagi perancangan masa hadapan, adalah diharapkan ‘Laporan Kanvas Belia TN50’ ini dapat menjadi input penting dalam menyediakan dasar dan hala tuju TN50 yang akan disediakan oleh agensi pusat kelak.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN : 124

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing negara melalui penyelidikan dan pembangunan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha untuk meningkatkan daya saing negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D). Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

Pertama, menyediakan peruntukan geran dan dana R&D yang bertujuan meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk. MOSTI menawarkan empat jenis skim dana R&D iaitu Dana SMART, Dana Kolaborasi Antarabangsa, Dana Inovasi dan Dana Fasilitasi. MOSTI melalui agensi dibawahnya turut menyediakan dana pengkomersialan kepada syarikat-syarikat bagi membantu mereka mengkomersialkan produk hasil R&D dan inovasi.

Jenis dana yang ditawarkan di bawah kategori ini ialah *Commercialisation of Research and Development Fund* (CRDF) dan *Technology Acquisition Fund* (TAF) oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) manakala *Biotechnology Commercialisation Fund* (BCF) oleh Bioeconomy Corporation.

Kedua, memberi penekanan kepada aspek pengkomersialan produk R&D terutamanya menggalakkan penghasilan produk R&D berdasarkan kehendak dan permintaan pasaran (*market driven*). Dalam usaha untuk mengetengahkan produk-produk R&D tempatan terutamanya melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain, MOSTI telah melaksanakan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) sejak tahun 2016 melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Inisiatif MCY diteruskan dengan pelaksanaan MCY 2.0 sehingga tahun 2019 dimana tumpuan utamanya adalah bagi memantapkan ekosistem pengkomersialan, termasuk penerokaan dalam *niche market* (dengan izin) dan mempergiat pasaran produk R&D&I di peringkat global.

Ketiga, menggalakkan aplikasi teknologi dalam industri untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran melalui platform kerjasama tiga pihak iaitu Kerajaan, industri dan universiti bagi menerokai bidang R&D strategik negara selaras dengan permintaan semasa industri dan trend global. Antara platform kerjasama yang sedang dilaksanakan oleh MOSTI adalah Program SIRIM-Fraunhofer yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Keempat, membantu membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan start-up berdasarkan teknologi, melalui bantuan

geran, pemandangan teknologi, khidmat nasihat harta intelek, pemantauan dan pemindahan teknologi. Agensi-Agenzi yang menawarkan kemudahan ini adalah seperti Malaysia Venture Capital (MAVCAP), Malaysia Debt Venture Berhad (MDV), Kumpulan Modal Perdana dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).

Selain itu, Technology Park Malaysia (TPM) menyediakan fasiliti infrastruktur dan perkhidmatan inkubator kepada syarikat-syarikat yang ingin memulakan operasi. Antara fasiliti yang ditawarkan termasuk premis perniagaan, perkhidmatan pembangunan produk, makmal-makmal pembangunan produk, perkhidmatan pembuatan kontrak, perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan dan akses kepada pelbagai rangkaian perniagaan dan pasaran.

Kelima, memperkasa fasiliti penyelidikan di Universiti dan Pusat Penyelidikan serta menawarkan pelbagai kemudahan dan fasiliti penyelidikan untuk kegunaan para penyelidik sama ada daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta, institusi penyelidikan, syarikat persendirian dan orang perseorangan. Sehingga kini, sebanyak 823 fasiliti berkaitan penyelidikan dan 2,732 jumlah peralatan penyelidikan telah tersedia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, Malaysia berada pada kedudukan ke-24 dalam Laporan *World Competitiveness Yearbook (WCY)*, kedudukan ke-23 dalam Laporan *Global Competitiveness Report (GCR)* dan kedudukan ke-37 dalam Laporan *Global Innovation Index (GII)*. Manakala Laporan *Bloomberg Innovation*

Index (BII) bagi tahun 2018 meletakkan Malaysia pada tangga ke-26. Kesemua laporan ini menunjukkan negara kita berada pada tahap daya saing yang baik dan mampu bersaing dengan negara maju yang lain.

Sekian, terima kasih.

RT11/125

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
DARIPADA [GERIK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk melantik pemimpin pelapis yang berkualiti bagi menyediakan pemimpin pendidikan yang berwibawa dan meneroka perubahan pada masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Institut Aminuddin Bakri (IAB) iaitu sebuah pusat latihan pengurusan dan kepimpinan secara langsung telibat dalam melaksanakan Inisiatif #87: Piagam Pemimpin Sekolah. Di bawah pelaksanaan Inisiatif #87: Piagam Pemimpin Sekolah, latihan diberikan kepada kumpulan pemimpin pelapis di semua peringkat KPM. Sebanyak dua program latihan yang dilaksanakan oleh IAB di bawah inisiatif tersebut iaitu;

1. Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan

(NPQEL 2.0). Sijil NPQEL merupakan prasyarat untuk dilantik sebagai PGB mulai 1 Julai 2014.

2. Program *Leadership Course for Middle Leaders* (LCML) yang merupakan program untuk mencungkil bakat kepemimpinan pendidikan masa depan. Kursus LCML ditawarkan kepada pemimpin pertengahan di sekolah, PPD dan KPM.